

Pilih kata adjektif dan kata penguat yang sesuai.

Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina telah bermurah hati menyumbangkan idea dan tenaga bagi menjayakan Program Sarana Sekolah. Sepanjang program itu, berlangsung, pelbagai aktiviti yang menarik telah diadakan.

Persatuan Bahasa Melayu telah membuka gerai makanan. Pelbagai makanan yang enak dijual seperti ayam percik, sate, mi kari dan bihun sup. Sambutan daripada para pembeli (betul hebat , hebat betul, betul cemerlang , cemerlang betul).

Di samping itu, ceramah motivasi turut diadakan. Ceramah yang disampaikan (cukup penting , penting cukup, cukup berat , berat cukup) kepada murid-murid. Murid-murid dinasihati agar berusaha untuk mencapai keputusan yang cemerlang.

Selain itu, Kelab Doktor Muda menjalankan pameran tentang gaya hidup yang sihat. Para pengunjung dapat membuat pemeriksaan kesihatan. Petugas di situ melayan pengunjung dengan (sekali mesra , mesra sekali, sekali baik , baik sekali) .

Kelab Seni dan Budaya pula membuka gerai kraf tangan. Hasil kraf tangan dijual pada harga yang (sangat murah , rendah sangat) . Hasil kraf tangan tersebut (amat cantik , amat besar) .

Walaupun (agak kecewa , kecewa agak, agak letih , letih agak), semua pihak yang terlibat berasa sangat gembira. Mereka berpuas hati kerana program tersebut berjalan dengan (sekali laju, laju sekali, sekali lancar , lancar sekali).